

Headline	Industri perabot perlu dimartabatkan		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	52	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN	AdValue	RM 2,551
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,653



Industri perabot perlu dimartabatkan

KU MOHD. RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN

PORT DICKSON – Usaha memartabatkan industri perabot negara ke peringkat global perlu diteruskan demi mencapai sasaran Dasar Industri Perkayaan Negara dalam mempertingkatkan nilai eksport perabot Malaysia.

Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod berkata, hasil eksport perabot menyumbang sehingga 33 peratus daripada jumlah eksport kayu-kayan setiap tahun sejak 13 tahun lalu.

Menurut beliau, sektor industri perabot merupakan sektor hiliran

yang berkembang dari setahun ke setahun malah jumlah eksport produk itu meningkat secara konsisten kepada lebih RM6.2 bilion setahun sejak 2007 sehingga tahun lalu.

“Nilai eksport perabot semakin meningkat dari RM5.08 bilion pada tahun 2001 kepada RM8.71 bilion tujuh tahun kemudian.

“Ia menurun sedikit kepada RM7.62 bilion pada tahun 2009 ekoran penurunan pasaran ekonomi global.

“Bagaimanapun, nilai eksport produk berkenaan meningkat semula pada tahun 2012 kepada RM8.02 bilion,” katanya dalam sidang akhbar sempena Simposium Reka Bentuk Perabot Nasional di

sini semalam.

Abd. Latif berkata, pada masa ini terdapat 1,895 kilang perabot di seluruh negara yang menghasilkan perabot berasaskan kayu bagi pasaran tempatan dan eksport.

Tambahnya, penekanan kepada reka bentuk yang dinamik, bekalan bahan mentah yang berkekalan dan penggunaan teknologi terkini perlu diberi perhatian bagi menjamin pasaran baharu sentiasa wujud demi kelestarian industri perabot negara.

“FRIM sedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang reka bentuk dan bahan mentah serta ujian perabot bagi menjamin kualiti dan mencapai tahap piawaian antarabangsa,” ujarnya.



REKAAN perabot yang dinamik merupakan antara faktor yang menjamin kesinambungan industri perabot negara.
– Gambar hiasan